

MAHATHIR - SYARIKAT

1985  
PETALING JAYA, 26 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENASIHATKAN PARA PENGUSAHA SUPAYA TIDAK MENUBUHKAN TERLALU BANYAK SYARIKAT BARU UNTUK MENCEBURI BIDANG PERNIAGAAN ATAU PERKHIDMATAN YANG SEDIA WUJUD.

PERDANA MENTERI BERKATA PENUBUHAN SYARIKAT-SYARIKAT BARU ITU HANYA AKAN MENGAKIBATKAN PASARAN DALAM SESUATU BIDANG PERNIAGAAN ATAU PERKHIDMATAN TERPAKSA DIBAHAGI-BAHAGIKAN SEHINGGA TIDAK MENGUNTINGKAN MEREKA.

BELIAU BERUCAP MERASMIKAN SEBUAH SYARIKAT PENGGUNAAN KOMPUTER TEMPATAN

- RIMMAN INTERNATIONAL SDN BHD- DI SINI YANG MEMPUNYAI KEMAMPUAN MEMBUAT PEMETAAN DAN PENGURUSAN FASILITI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEBALIKNYA SYARIKAT-SYARIKAT YANG SEDIA WUJUD DALAM SESUATU BIDANG HENDAKLAH MEMBUKAKAN SAHAM KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT YANG BENAR-BENAR BERMINAT BERLABUR DALAM BIDANG ITU.

DENGAN INI MEREKA BUKAN SAHAJA TIDAK PAYAH BERSAING SESAMA SENDIRI DALAM MENDAPATKAN PELANGGAN DALAM NEGARA INI TETAPI JUGA DAPAT MEMPERBESARKAN SYARIKAT YANG SEDIA ADA, TAMBAHNYA.--LAGI  
1925MST 26 03 85

MAHATHIR - SYARIKAT 2 PETALING JAYA

DENGAN MODAL YANG LEBIH BESAR DAN TENAGA KEPAKARAN YANG TERKUMPUL SYARIKAT-SYARIKAT ITU JUGA DAPAT MEMPERLUASKAN PERNIAGAAN ATAU KHIDMAT MEREKA DI LUAR NEGERI, KATANYA LAGI.

PERDANA MENTERI JUGA MENASIHATKAN SYARIKAT-SYARIKAT BUMIPUTERA SUPAYA MENAMBAH KECEKAPAN DAN KEMAMPUAN MEREKA DAN TIDAK SEMATA-MATA BERGANTUNG KEPADA KONTRAK DARIPADA KERAJAAN.

+KEJAYAAN SESEBUAH SYARIKAT BERGANTUNG KEPADA KECEKAPAN DAN KEMAMPUAN DAN BUKANNYA TARAF BUMIPUTERA. KONTRAK DARIPADA KERAJAAN TIDAK AKAN DATANG SELAMA-SELAMANYA,+ KATANYA.

KEJAYAAN SESEBUAH SYARIKAT JUGA, KATANYA, BUKAN SETAKAT MENDAPAT KONTRAK DARIPADA KERAJAAN TETAPI KEUPAYAAN BERNIAGA DENGAN SELURUH MASYARAKAT PENIAGAAN SAMA ADA DI DALAM ATAU LUAR NEGERI.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU TERTARIK HATI DENGAN PENUBUHAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGGUNAKAN TEKNOLOGI TINGGI DALAM BIDANG KOMUNIKASI SEPERTI SYARIKAT RIMMAN INTERNATIONAL ITU.

+SAYA PERCAYA BANYAK LAGI SISTEM DAN SYARIKAT BUMIPUTERA YANG INGIN MENUBUHKAN SYARIKAT SEPERTI ITU,+ TETAPI BELIAU MENGINGATKAN MEREKA BAHAWA SEKIRANYA TERLALU RAMAI YANG MENUBUHKANNYA DAN MENGHARAPKAN KONTRAK KERAJAAN SEMATA-MATA MAKA PASARAN MEREKA ADALAH TERHAD DAN TIDAK AKAN MENGUNTINGKAN SESIAPA. -- LAGI.

1949MST 26 03 85

MAHATHIR- SYARIKAT 3 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI BERHARAP SYARIKAT-SYARIKAT YANG SEDIA WUJUD MEMBUKA SAHAM KEPADA RAKAN-RAKAN PELABUR YANG BENAR-BENAR BERMINAT MENYERTAI BIDANG YANG DIUSAHAKAN.

SYARIKAT RIMMAN INTERNATIONAL IALAH ANAK SYARIKAT KUMPULAN AKZ SDN BHD YANG DITUBUHKAN UNTUK MEMUDAHKAN SEBUAH LAGI ANAK SYARIKATNYA BINAFAON TELECOMMUNICATIONS SDN BHD. MELAKSANAKAN PROJEK PEMASANGAN KABEL TELEFON DI BAWAH PROJEK RAKSASA JABATAN TELEKOM.

KONTRAK PEMASANGAN KABEL TELEFON ITU JUGA DIBERIKAN KEPADA TIGA BUAH LAGI SYARIKAT BUMIPUTERA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP KEEMPAT-EMPAT BUAH SYARIKAT BUMIPUTERA ITU BERUSAHA MENAMBAH KECEKAPAN DAN KEBOLEHAN MEREKA AGAR TIDAK PERLU TERUS BERGANTUNG KEPADA KERAJAAN.

KONTRAK PEMASANGAN KABEL ITU, JELAS BELIAU, DIBERIKAN SECARA SIAPGUNA KEPADA EMPAT SYARIKAT UNTUK MENGURANGKAN TUGAS JABATAN TELEKOM DALAM PERLAKSANAAN PROJEK PEMASANGAN KABELNYA. -- LAGI.  
2013MST 26 03 85

DD21

B B153 DEB  
MAHATHIR 4 PETALING JAYA

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BERMINAT DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGGUNAKAN SISTEM KOMPUTER DALAM KOMUNIKASI KERANA IA DAPAT MEMPERCEPATKAN SISTEM TELEKOMUNIKASI NEGARA.

KATANYA ZAMAN INI ADALAH ZAMAN LEDAKAN MAKLUMAT DI MANA JUMLAH MAKLUMAT YANG TERSEBAR BEGITU BESAR SEHINGGA IA MEMERLUKAN SISTEM KOMUNIKASI YANG CEKAP.

INI LEBIH-LEBIH LAGI BAGI SEBUAH NEGARA YANG MEMBANGUN SEPerti MALAYSIA DI MANA SISTEM KOMUNIKASI YANG CEKAP DAPAT MEMBANTU MEMPERCEPATKAN URUSAN PERDAGANGAN DAN PENTADBIRAN, TAMBAH BELIAU.

SEBAB ITULAH, KATANYA, KERAJAAN SANGGUP MEMBELANJAKAN BERIBU-RIBU JUTA RINGGIT UNTUK MENGADAKAN SISTEM KOMUNIKASI YANG CEKAP DI NEGARA INI TETAPI MALANGNYA SESUATU SISTEM YANG DIPERKENALKAN CEPAT MENJADI USANG AKIBAT TAKTIK PERNIAGAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENASIHATI SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA KHUSUSNYA DALAM BIDANG TELEKOMUNIKASI SUPAYA TIDAK +CURI-MENCURI+ PARA PEKERJA SESAMA MEREKA, LEBIH-LEBIH LAGI DARIPADA JABATAN KERAJAAN YANG MEMERLUKAN TENAGA SEPerti JURUTERA. -- BERNAMA.

2022MST 26 03 85